

29/09/2003

Industri aeroangkasa semakin cerah

Wan Jailani Razak

TEMPOH 12 tahun bukannya lama untuk Malaysia mencapai matlamat mewujudkan industri aeroangkasa berwibawa menjelang 2015. Ia selaras hasrat kerajaan untuk muncul negara maju lima tahun selepas itu.

Ini berdasarkan Kertas Dasar Pembangunan Industri Aeroangkasa Kebangsaan yang menyenaraikan 45 cadangan serta strategi khusus ke arah mencapai matlamat itu ketika dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (Lima) 1997.

Antara lain ia merangkumi cadangan penubuhan Majlis Aeroangkasa Kebangsaan dan Agensi Pentadbiran Angkasa Malaysia (MASA) serta peningkatan taraf Jabatan Penerbangan Awam (DCA) kepada Lembaga Penerbangan Malaysia (MAA).

Tanpa berlengah, Lima `99 menyaksikan penubuhan Persatuan Industri Aeroangkasa Malaysia (MAIA) yang dianggotai 20 firma aeroangkasa tempatan diketuai Airod Bhd (Airod). Selain Airod, antara firma tempatan lain yang menjadi anggota perintis MAIA ialah Composites Technology Research Malaysia Sdn Bhd (CTRM), Aerospace Technology Systems Corp (ATSC) dan SME Aviation Sdn Bhd.

Kesungguhan mencapai hasrat itu sekali lagi ditunjukkan dengan kesediaan kerajaan menganjurkan Lima `03 mulai esok hingga 5 Oktober ini bagi manfaat industri aeroangkasa negara untuk jangka panjang. Malah, kita harus berbangga kerana pameran itu yang diperkenalkan sejak 1991, kini mendapat tumpuan utama peserta dari seluruh dunia sehingga sukar bagi mereka menolak undangan.

Apa tidaknya, pameran yang masuk edisi ketujuh itu menyediakan ruang terbaik untuk mereka memperagakan pelbagai produk berteknologi terkini dalam bidang aeroangkasa dan maritim sebelum mengikat urusan niaga. Ketika Lima `03 membuka ruang untuk ahli perniagaan dan usahawan dari seluruh dunia berunding mengenai tawaran niaga, ia juga memberi laluan untuk negara meningkatkan pembangunan industri aeroangkasa.

Sejak 1991, Malaysia menunjukkan kesungguhan dengan membuat sendiri pesawat ringan. Dua tahun kemudian negara memperkenalkan SME MD3-160 dan pada edisi ketiga Lima, ia sudah pun mendapat pelanggan pertama. Sebelum itu, pada edisi sulung Lima, kerajaan dan sektor swasta membangunkan sebuah kilang komposit di Melaka dengan penubuhan CTRM dan membuat pesawat Eagle.

Dr Mahathir kemudian meminta Kumpulan Industri-Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi Malaysia (Might) merangka kertas dasar bagi menjana pertumbuhan industri aeroangkasa negara.

Justeru, Lima kali ini seharusnya menyambut baik pembabitan syarikat aeroangkasa China, The China Space dan rakan niaganya di Malaysia, Tignet Sdn Bhd untuk mempamerkan kecanggihan peralatan yang dimilikinya. Ia sudah menempah 444 meter persegi di tapak pamerannya di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC).

Siri Lima membuktikan ia medan terbaik bagi pengeluar aeroangkasa dan industri berkaitan untuk mempromosi inovasi teknologi terkini dalam bidang itu kepada pegawai kanan kerajaan, pihak pertahanan dan awam serta pemimpin industri dari Malaysia dan rantau Asia Pasifik.

Lima `03 juga akan menjadi pameran terakhir dihadiri Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri. Beliau sendiri akan merasmikan Lima `03 esok. Bagaimanapun, kita tunggu apa kejutan yang dijanjikan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak, khusus untuk Dr Mahathir pada jamuan malam sebagai tanda penghargaan kepada semua pihak terbabit yang menjayakan Lima di Dataran Lang, Langkawi, 3 Oktober ini.

Pameran bagi segmen aeroangkasa seperti biasa akan diadakan di MIEC, bersebelahan Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, anjuran Le Proton

Lima Sdn Bhd, manakala segmen maritim di Awana Porto Malai, anjuran HW Lima Sdn Bhd.

Lima `03 adalah satu daripada pameran utama di rantau Asia Pasifik yang akan dihadiri pihak berkepentingan dalam industri aeroangkasa, pembuat dasar, komander tentera, tokoh korporat dan golongan profesional dari negara Asean dan Asia Pasifik. Lima `03 juga dijangka menempa sejarah dengan penyertaan sulung China menerusi China Civil Aviation (Contra), syarikat penerbangan awam negara itu.

Sejak diperkenalkan pada 1991, Lima semakin mendapat sambutan. Daripada hanya 150 syarikat pada edisi pertamanya, ia menarik tumpuan lebih 500 syarikat daripada 27 negara pada pameran terakhirnya dua tahun lalu.

Pameran itu dibuka untuk pedagang dan pelawat profesional mulai jam 10 pagi hingga 5.30 petang di antara 30 September dan 3 Oktober. Sementara ia akan dibuka kepada orang awam untuk dua hari terakhir iaitu pada 4 dan 5 Oktober, juga mulai jam 10 pagi hingga 5.30 petang.

Dari segi keselamatan, lebih 1,000 anggota keselamatan ditugaskan sepanjang Lima `03 berlangsung. Mereka adalah kira-kira 900 anggota polis, manakala bakinya Pasukan Khas Udara (Paskau) bagi mengawasi segmen aeroangkasa dan Pasukan Khas Laut (Paskal) bagi segmen maritim.

Najib yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kabinet mengenai Lima berkata, jumlah anggota keselamatan itu lebih besar berbanding Lima `01 sebagai langkah keselamatan berikutan perkembangan semasa di Asia Tenggara dan Asia Barat.

Dalam pada itu, pasukan aerobatik popular Britain, Red Arrows yang menarik diri daripada Lima `01 akan kembali menggegar ruang angkasa Langkawi kali ini. Kemunculan semula antara pasukan aerobatik terbaik dunia itu dengan formasi mendebarkan di udara menggunakan pesawat Hawk dijangka mampu menjadikan Lima `03, pameran dwitahunan terbaik.

Tentu peminat Lima masih ingat dengan formasi menarik Red Arrows, pasukan aerobatik yang ditubuhkan pada 1965.

Bagaimanapun, pasukan TUDM yang diberi peluang menunjukkan kebolehan mereka dalam slot utama pertunjukan pada Lima `01, muncul hero utama selepas formasi yang ditunjukkan mereka mendapat pujian ramai. Berdasarkan kejayaan itu, pertunjukan Lima kali ini tentu lebih mencabar dan sudah pasti juruterbangnya akan menunjukkan kemampuan yang lebih tinggi setanding Red Arrows.

Sementara itu, penyertaan berterusan United Kingdom (UK) dalam Lima selain merapatkan hubungan antara Malaysia dan UK, juga mengiktiraf pameran itu sebagai bertaraf dunia. Sepanjang Lima `03, negara berkenaan bukan saja mempamerkan pelbagai industri, khususnya pertahanan, tetapi dijangka terus menyatakan komitmen bagi mewujudkan pelaburan di Malaysia.

Kehadiran gergasi pertahanan Eropah, BAE Systems, misalnya yang tidak pernah gagal menyertai Lima membuktikan komitmen syarikat itu dalam usaha memperkukuhkan hubungan perdagangan dua hala di antara UK dan negara ini.

BAE Systems sehingga kini banyak membantu Malaysia membina industri pengeluaran aeroangkasa dan pertahanannya sendiri, dengan menyediakan pelaburan besar menerusi usaha sama dan kerjasama teknikal dengan syarikat tempatan, untuk memastikan perpindahan teknologi mencukupi.

Pameran itu dijangka disertai 103 pesawat dan 114 kapal dari dalam dan luar negara. Sebanyak 10 negara asing turut menghantar kapal tentera masing-masing iaitu Bangladesh, Arab Saudi, Thailand, Singapura, India, Australia, Korea Selatan, Sri Lanka, Pakistan dan Perancis.

Sebanyak 74 kapal Malaysia turut menyertai segmen maritim Lima dengan 24 daripadanya milik TLDM, manakala 20 lagi dari Jabatan Bomba dan Penyelamat. Turut dilangsungkan ialah pertunjukan payung terjun 10 Briged Para Komando, upacara penyerahan helikopter Super Lynx, demonstrasi atas air, international fleet review dan buat pertama kali, karnival koktel maritim.

Keraguan ramai sama ada lima diteruskan selepas persaraan Dr Mahathir dijawab Najib dengan nada yakin bahawa ia akan diteruskan dan Langkawi akan tetap menjadi venue bagi acara berprestij itu.

